

30/10/2003

'Senat AS melampau'

KUALA LUMPUR: Tindakan Senat Amerika Syarikat (AS) menghentikan bantuan dan latihan ketenteraan bernilai RM4.5 juta (AS\$1.2 juta) kepada Malaysia

dianggap melampau dan melanggar nilai diplomasi antarabangsa.

Presiden Pergerakan Keadilan Sedunia (Just), Dr Chandra Muzaffar, berkata tindakan itu jelas bercanggah kelaziman hubungan dua hala yang dijalin antara negara, terutama dalam gelanggang politik antarabangsa.

Katanya, jika Senat AS tidak setuju dengan kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kaum Yahudi yang dibangkitkan Perdana Menteri pada Sidang Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) baru-baru ini, mereka sepatutnya menjawabnya dengan memberi fakta tepat atau mengemukakan resolusi.

"Sebaliknya, Senat memutuskan menghentikan bantuan... ini bukti jelas mereka dipengaruhi Zionis," katanya mengulas keputusan Senat kelmarin, yang dilihat tindak balas rasa tidak puas hati terhadap kenyataan Dr Mahathir mengecam Yahudi sebagai mengawal dunia secara proksi.

Pengerusi Biro Hal Ehwal Antarabangsa Pergerakan Pemuda Umno, Dr Shamsul

Anwar Sulaiman, pula berkata tindakan Senat AS sudah dijangka kerana sejak

sekian lama mereka bertindak mengikut telunjuk Yahudi.

"Saya percaya negara lain juga tahu peranan Yahudi sebagai proksi tetapi

tidak berani membuat kenyataan terbuka seperti Dr Mahathir. Justeru, umat

Islam dan rakyat Malaysia perlu sentiasa bersedia menghadapi ancaman sebegitu dengan memperlengkapkan diri dengan pelbagai bidang ilmu," katanya.